

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PERNYATAAN DALAM PEMERIKSAAN
DI BAWAH SEKSYEN 53(3) AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

Pejabat SPRM: Ibu Pejabat SPRM Putrajaya-SA3		No. Aduan: 004/2018
Nama Orang Di Periksa: Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli (Dato')		(Lelaki/ Perempuan)*
No. Kad Pengenalan: 590907-09-5013	No. Paspot: -	Bangsa: Melayu
Warganegara: Malaysia	Tarikh dan Tempat Lahir: 7/9/1959, Kuala Lumpur	Umur: 59 tahun
Pekerjaan: Director		
Majikan: Consurtium Zenith Construction Sdn Bhd (ZCSB)		
Alamat Majikan: Tingkat 15 Faber Tower 2, Taman Desa Kuala Lumpur		No. Telefon:
Alamat Kediaman: Lot 55621 Jalan 7/71B Pinggiran TTDI Sg.Penchala 60000 Kuala Lumpur.		No. Telefon: 012-2605199
Nama Bapa/Waris: Maliah @ Maria Binti Musa		
Alamat Bapa/Waris: Lot 55621 Jalan 7/71B Pinggiran TTDI Sg.Penchala 60000 Kuala Lumpur.		No. Telefon:
Pegawai Yang Memeriksa: Wan Zulkifli Mohamed.PsK		
Tempat: VIR 13 Aras Bawah Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.		
Pada: 12.1.2018	Jam: 11:30 hrs	Bahasa Yang digunakan: Bahasa Melayu
Nama Jurubahasa: -		
Daripada Bahasa: -		Kepada Bahasa: -
Sebelum pernyataan direkodkan saya telah membacakan kepada orang yang diperiksa kehendak peruntukan seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 seperti berikut:		
<p>“Kamu telah ditangkap / dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas kesalahan di bawah Akta ini yang mungkin dipertuduhkan. Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakan sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan.”</p>		
Soalan : Adakah kamu faham peruntukan seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang telah dibacakan kepada kamu?		
Jawapan : Ya, saya faham.		
..... Tandatangan Orang Tertuduh Zarul Ahmad B Mohd Zulkifli Tandatangan Jurubahasa Tandatangan Pegawai Yang Memeriksa Wan Zulkifli Bin Mohamed

Sebagai menjawab ke atas pertanyaan-pertanyaan saya, OKT(Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli) telah menyatakan seperti berikut:-

Soalan :Kamu, Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli, No.Kad Pengenalan : 590907-09-5013 telah ditangkap pada 9 Januari 2018, jam 20.45hrs di Ibu Pejabat SPRM Prescint 7 Putrajaya, Adakah kamu ingin memberi sebarang pernyataan?

Sambungan Pernyataan

Jawapan :Saya nak beri pernyataan.

Soalan :Adakah kamu didorong, diugut atau dijanjikan dengan apa-apa jua bagi memberi pernyataan ini?

Jawapan :Tiada .

Soalan :Sudah berapa hari kamu ditahan?.

Jawapan :Sudah tiga hari.

Soalan :Adakah kamu ada sakit ?.

Jawapan :Ada. Saya ada darah tinggi, gastrik dan slip disk.

Soalan :Semasa dalam tahanan, ada mendapat rawatan ke hospital ?.

Jawapan :Ada semalam

Soalan :Adakah selesa untuk dirakam keterangan pada pagi ini?.

Jawapan :Selesa.

Soalan :Adakah kamu ada dipukul atau dcederakan?.

Jawapan :Tidak.

Soalan : Sekarang keterangan ini dirakam secara lansung melalui video. Adakah kamu mahu saya teruskan rakaman video ini?.

Jawapan :Tidak.

Soalan : Adakah kamu digari semasa rakaman percakapan ini?.

Jawapan :Tiada.

Sambungan Pernyataan

Soalan : Adakah kamu telah menerima notis bertulis dibawah seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009?

Jawapan : Ya saya telah tandatangan notis ini pada 9.1.2018

(OKT dirujuk pada Notis Tangkap Seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 bertarikh 9/1/2018 atas nama Zarul Ahmad bin Mohd Zulkifli No.KP: 590907-09-5013)

Saya telah ditangkap oleh pegawai SPRM bernama Khairul Anuar Bin Saad 9 Januari 2018 jam 20.45hrs di Ibu Pejabat SPRM Prescint 7 Putrajaya. Pegawai SPRM itu telah membacakan peruntukkan seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan terangkan kepada saya sebab – sebab saya ditangkap iaitu bahawa saya ditahan kerana saya membayar duit rasuah kepada Ketua Menteri Pulau Pinang dan beberapa orang lain berkaitan dengan projek terowong bawah dasar laut dan tiga jalan raya utama di Pulau Pinang . Saya faham, lalu saya menandatangani notis ini pada ruangan tandatangan penerima notis. Saya ada terima dan simpan salinan notis ini.

Saya adalah Pengarah dalam Konsortium Zenith Construction Sdn Bhd(KZCSB). ZCSB adalah sebuah syarikat construction yang dimiliki oleh saya melalui Zenith Construction dan tiga orang share partner iaitu Ng Yin Meng, Dato Ang Un Hin dan 555 Capital Sdn Bhd. Konsortium Zenith ditubuhkan pada tahun 2011 semata-mata untuk projek terowong ini. Bagi projek terowong ini, Konsortium Zentih telah mengadakan usahasama dengan Beijing Urban Contruction Group (BUCG) dan dinamakan dengan Konsortium Zentih – BUCG (ZCSB-BUCG JV). BUCG adalah pelabur dari negara China. Untuk urusan kontrak terowong ini, beroperasi di pejabat ZCSB.

Urusan saya dengan BUCG sebelum JV dalam ZCSB-BUCG adalah melalui syarikat saya sendiri ZCSB hendak memasuki tender MRT ketika itu . Saya mempelawa BUCG dan satu lagi syarikat construction iaitu Juteras milik Tan Sri Tajuddin Ramli. Namun, perancangan

Sambungan Pernyataan

untuk meneruskan bagi memasuki tender MRT Sungai Buloh – Kajang itu tidak terlaksana.

Nature of business Zenith Construction Sdn Bhd adalah constuction di bawah kelas G7. Zenith Construction belum ada projek dilaksanakan cubaan untuk memasuki tender MRT Sungai Buloh Projek itu. Projek Terowong di Pulau Pinang ini adalah projek pertama yang dilaksanakan oleh ZCSB-BUCG JV.

Berkenaan dengan projek untuk membina pakej terowong dan tiga jalan raya utama di Pulau Pinang bernilai RM6.3billion yang telah dianugerahkan kerajaan Pulau Pinang kepada ZCSB – BUGS JV pada 2013. Dari RM6.3b itu, dipecahkan kepada tiga peringkat iaitu :-

1. RM 305 juta untuk kerja-kerja flexibility study dan detail design.
2. RM 500 juta untuk bayaran-bayaran bagi land aquisition
3. RM 5.8b untuk kerja-kerja construction membina 3 highway dan 1 terowong bawah dasar laut. 3 highway itu adalah dari Ayer Hitam ke Lebuhraya Lim Chong Eu berjarak 5 KM, Jalan Berkembar dari Teluk Bahang ke Tanjung Bunga dengan jarak 10 km dan Gurney Bypass dari Jalan Pangkor ke Jelutong Expressway about 5 kilo. Manakala Terowong Bawah Dasar Laut(Under Sea Bed Tunnel) dari Bagan Agam ke Jalan Pangkor dengan jarak 7 KM.

(Saya menghentikan rakaman keterangan OKT pada jam 13:00 hrs kerana waktu rehat dan solat jumaat)

(Saya menyambung kembali rakaman percakapan pada jam 15:30 hrs). OKT diingati dengan keterangan yang terdahulu.

Sebelum saya terangkan bagaimana permulaan saya mendapatkan projek terowong ini, saya mesti jelaskan perkenalan saya dengan YB Dato Sri Nazri Aziz. Saya adalah kenalan

Sambungan Pernyataan

kepada Dato Sri Nazri Aziz sejak 1999 lagi. Saya mula kenal dengan Dato Sri Nazri Aziz melalui adik ipar Dato Sri bernama Syed Nagiff. Perkenalan itu hingga ke hari ini. Justifikasi saya dengan Dato Sri Nazri Aziz adalah kenalan rapat. Saya sering berjumpa dan minum bersama Dato Sri di Hotel Shangri La Jalan Sultan Ismail. Dato Sri selalu berada di Hotel Shangri La.

Dalam sekitar Januari 2011, saya ada berjumpa dengan Datuk Seri Nazri Aziz di Hotel Shangri La. Perjumpaan itu pada sebelah malam. Tujuan saya berjumpa dengan Datuk Seri Nazri Aziz adalah minum bersama. Pada malam itu saya pergi seorang diri. Sebaik sampai di lobby lounge Hotel Shangri La, saya lihat Datuk Seri Nazri Aziz ada bersama dengan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Ada beberapa orang lagi bersama Datuk Seri Nazri Aziz, yang saya kenal adalah Rosli pegawai Datuk Seri Nazri Aziz, arwah Shahidan sahaja. dan beberapa lagi yang saya tidak dapat ingat. Kemudiannya, Datuk Seri Nazri Aziz mempelawa saya untuk duduk bersama dengan mereka dan Lim Guan Eng. Saya menyapa Lim Guan Eng setelah Datuk Seri Nazri Aziz memberitahu kepada Lim Guan Eng nama saya dan kawan beliau. Lim Guan Eng kelihatan datang seorang diri saja kerana tidak ada orang cina lain disitu.

Semasa dalam perjumpaan itu, saya kenalkan kepada Lim Guan Eng yang saya ada dealing business dengan BUCG, dan menanyakan kepada Lim Guan Eng apakah ada apa-apa projek di Penang yang boleh saya *participate*. Saya jelaskan kepada Lim Guan Eng dengan BUCG iaitu construction company dari China yang pernah saya saya joint venture untuk memasuki tender MRT Sungai Buloh Ampang. Lim Guan Eng kelihatan tertarik dengan pekenalan saya dan telah mempelawa saya berjumpa dengan beliau di Pulau Pinang. Perjumpaan saya dengan Lim Guan Eng dan Datuk Seri Nazri Aziz pada malam itu lebih kurang sejam sahaja. Semasa saya berada bersama dengan Datuk Seri Nazri Aziz dan Lim Guan Eng, tidak ada orang lain datang interrupt untuk berjumpa dengan Datuk Seri Nazri Aziz dan Lim Guan Eng. Perjumpaan malam itu antara saya dengan Lim

Sambungan Pernyataan

Guan Eng dan Datuk Seri Nazri Aziz bukan dalam perancangan. Saya nafikan jika mengatakan perjumpaan itu semata-mata untuk saya diarahkan oleh Datuk Seri Nazri Aziz berjumpa dengan Lim Guan Eng. Tiada pun disebut berkenaan dengan projek terowong pada malam itu antara kami bertiga. Lim Guan Eng ada memberikan nombor telefon beliau kepada saya. Nombor telefon beliau ada disimpan di handphone saya yang disimpan oleh pegawai SPRM sekarang. Selepas sejam perjumpaan saya pulang meninggalkan Datuk Seri Nazri Aziz dan Lim Guan Eng.

(Pada jam 16:08 percakapan dihentikan kerana OKT solat asar)

(Pada jam 16:45, saya menyambung kembali percakapan dan OKT diingati dengan percakapan terdahulu).

Ekoran dari pelawaan Lim Guan Eng semasa perjumpaan di Hotel Shangri La itu, lebih kurang sebulan kemudian, saya telah menghubungi Lim Guan Eng telefon bimbit beliau . Tujuan saya hubungi Lim Guan Eng untuk mengaturkan perjumpaan dengan beliau. Dalam percakapan saya dengan Lim Guan Eng, Lim Guan Eng telah bersetuju untuk saya berjumpa dengan beliau di pejabatnya. Lim Guan Eng telah memberikan saya tarikh perjumpaan. Seterusnya satu perjumpaan telah diadakan dengan Lim Guan Eng di pejabat beliau di Menara Komtar.

Dalam perjumpaan di pejabat Lim Guan Eng di Menara Komtar itu, saya pergi bersama sama dengan tiga wakil BUCG Malaysia iaitu Ee Chin Fatt – contract manager, Lee Chee Hoe –business development manager dan seorang lagi bernama Yang Hong Lin – CEO BUCG Malaysia. Yang Hong Lin warganegara PRC. Ada seorang lagi bersama saya iaitu bernama 'King'. Elok saya terangkan tentang King. King seorang Cina dan King yang kenalkan saya dengan syarikat BUCG China sehingga kami boleh set up JV business bagi memasuki tender MRT Sg Buloh Kajang sebelum ini. King warganegara Malaysia yang

Sambungan Pernyataan

tidak lagi bersama BUCG Malaysia.

Berbalik kepada sesi perjumpaan dengan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang tadi, dalam bilik mesyuarat utama di pejabat Lim Guan Eng, Lim Guan Eng sendiri telah menyampaikan taklimat kepada saya dan kumpulan . Taklimat ini saya faham diadakan khusus untuk syarikat saya saja kerana tidak ada orang lain berada di dalam bilik mesyuarat itu mendengar taklimat, melainkan kami berempat dan Lim Guan Eng saja. Tidak ada pegawai Lim Guan Eng bersama.

Pada sesi taklimat itu, Ketua Menteri Lim Guan Eng telah memberitahu yang Kerajaan Pulau Pinang mahu melaksanakan tiga buah highway dan satu terowong under sea bed tunnel . Lim Guan Eng hanya menunjukkan plan besar di bilik mesyuarat itu. Lim Guan Eng telah menunjukkan pembinaan-pembinaan highway dan terowong itu diatas pelan itu. Construction yang dirancangkan oleh Lim Guan Eng itu adalah kerja-kerja construction membina 3 highway dan 1 terowong bawah dasar laut. 3 highway itu adalah dari Ayer Hitam ke Lebuhraya Lim Chong Eu berjarak 5 KM, Jalan Berkembar dari Teluk Bahang ke Tanjung Bunga dengan jarak 10 km dan Gurney Bypass dari Jalan Pangkor ke Jelutong Expressway about 5 kilo. Manakala Terowong Bawah Dasar Laut(Under Sea Bed Tunnel) dari Bagan Agam ke Jalan Pangkor dengan jarak 7 KM.

Dalam taklimat pertama ini, Lim Guan Eng ada memberitahu kepada saya dan team yang projek ini akan dibiayai oleh secara '*land-swap*' . Land Swap apa yang difahami saya adalah Kerajaan Negeri membuat pembiayaan menggunakan tanah dan bukan bayaran seperti construction biasa. Lim Guan Eng tidak memberitahu berapa nilai land swap itu dan nilai projek dan bagaimana cara award kepada saya. Dalam taklimat, BUCG telah menunjukkan minat untuk membuat projek itu kepada Lim Guan Eng. Taklimat itu berlangsung dalam sejam sahaja. Sebelum taklimat tamat, Lim Guan Eng telah

Sambungan Pernyataan

memberitahu kepada saya untuk mendapatkan detail projek daripada Mr.Rajendran ,
Jurutera di Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Bagi saya, selepas taklimat dengan Lim Guan Eng, saya dan BUCG Malaysia, saya
berkeyakinan untuk melaksanakan projek ini . Projek ini tentunya saya melaksanakan
melalui syarikat saya Zenith Construction Sdn Bhd dan BUCG Malaysia Sdn Bhd secara
JV.

Walaupun semasa taklimat , Lim Guan Eng tidak memberitahu nilai projek itu. Saya
dapat membuat anggaran nilai projek adalah sekitar RM7 billion. Itu sebab saya dan
BUCG menaruh keyakinan boleh melaksanakan projek ini, dan itu yang kami beritahu
kepada Lim Guan Eng semasa taklimat itu. Sebenarnya projek ini dahulunya dikenali
dengan nama PORR- Penang Outering Ring Road(PORR).

OKT telah membaca kembali percakapan dan diakui betul.

Soalan :Adakah keterangan kamu adalah benar berkaitan kes ini?.

Jawapan : Ya.

Soalan :Adakah kamu dipaksa / diugut untuk memberikan pernyataan diatas?

Jawapan : Tiada

Soalan :Adakah kamu mahu meminda keterangan kamu?.

Jawapan :Tiada

Tandatangan Orang Yang Diperiksa

.....

Tandatangan Pemeriksa

.....

Sambungan Pernyataan

Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli

Wan Zulkifli Mohamed, PsK

Rakaman ditamatkan pada jam 18:00 hrs.

Saya Wan Zulkifli Bin Mohamed, PsK menyambung semula pernyataan Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli , NO K/P: 590907-09-5013 pada tarikh 13.1.2018 jam 10:00 pagi di bilik VIR 13 Ibu pejabat SPRM Putrajaya. Sebelum sambungan rakaman pernyataan diambil, saya telah membacakan semula pernyataan beliau yang dirakamkan pada 12.1.12018.

Sebelum pernyataan direkodkan saya telah membacakan kepada orang yang diperiksa kehendak peruntukan seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 seperti berikut:

Sambungan Pernyataan

“Kamu telah ditangkap /dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas seksyen 18 ASPRM 2009. Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu dimahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakan sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan.”

Soalan :Adakah kamu faham peruntukan seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang telah dibacakan kepada kamu?

Jawapan :Ya , Faham.

.....
T/T Orang Yang Diperiksa	Jurubahasa	T/T Pegawai Yang Memeriksa.
Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli		PsK Wan Zulkifli Bin Mohamed

Sebagai menjawab pertanyaan – pertanyaan saya, OKT Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli telah menyatakan seperti berikut:-

Soalan :Adakah kamu mahu menyambung keterangan kamu sekarang. Jika mahu saya akan lakukan?.

Jawapan :Ya.

Soalan :Adakah kamu didorong, diugut atau dijanjikan dengan apa-apa jua bagi memberi pernyataan ini?

Jawapan :Tiada .

Soalan :Adakah kamu ada mahu mengadu apa-apa rasa sakit?.

Jawapan :Tiada

Soalan :Adakah kamu ada dipukul atau dcederakan?.

Jawapan :Tidak.

Sambungan Pernyataan

Soalan :Adakah selesa untuk dirakam keterangan pada pagi ini?.

Jawapan :Selesa.

Saya ingin menerangkan bagaimana saya boleh membuat anggaran nilai projek terowong ini. Ianya berdasarkan kepada PORR Projek yang mula dirancang oleh Kerajaan Pulau Pinang sebelum kerajaan Lim Guan Eng. Yang membezakan projek PORR dan Projek Terowong ini adalah projek PORR tidak ada terowong dan coaster road dari Tanjung Bunga ke Jalan Gurney. Saya bersandarkan kepada kekuatan BUCG Malaysia untuk melaksanakan projek terowong ini. BUCG Malaysia adalah pemaju Pavillion .

Mengenai dengan syarikat saya ZCSB pula, kedudukan kewangan syarikat adalah kukuh dengan working capital RM12.5juta. Ini menunjukkan kami berupaya untuk melaksanakan projek itu. Kedudukan pemilikan dalam ZCSB adalah seperti berikut:-

1. Wira Syukur (M) Sdn Bhd .
2. Ng Yin Meng . Mr.Ng adalah seorang land surveyor .
3. 555 Capital Sdn Bhd. Syarikat ini dimiliki oleh Datuk Chew Khoon Aik.

Pengarah dalam ZCSB adalah :-

1. Zarul Ahmad (saya).
2. Ibrahim Bin Saari,
3. Wong Kwai Wah.
4. Lee Chee Hoe
5. Dato Zainal Abidin Bin Abdul Rahim

Berkenaan dengan pengurusan kewangan iaitu penandatanganan cek untuk akaun ZCSB, ZCSB mempunyai akaun UOB. Saya lupa cawangan mana. Yang akan menandatangani

Sambungan Pernyataan

cek ZCSB adalah antara dua dari empat orang iaitu samada saya, ibrahim, wong atau Lee sahaja.

Seterusnya selepas dari perjumpaan taklimat pertama dengan Mr.Lim Guan Eng tersebut, saya memerlukan maklumat-maklumat terperinci berkaitan dengan projek ini. Saya ada berjumpa dengan Mr.Rajendran Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan mendapatkan maklumat perinci. Saya mendapatkan maklumat detail dari Rajendran lebih kurang seminggu dari tarikh taklimat dengan Lim Guan Eng. Dari maklumat itu, ZCSB membuat kajian secara kasar bagaimana hendak melaksanakan projek itu.

Seterusnya, pada bulan Mac 2011, saya ada menerima panggilan dari Mr.Lim Guan Eng. Lim Guan Eng memberitahu dia hendak berjumpa dengan saya di Restoran Itali di Jalan Ampang. Malam itu, saya pergi berjumpa beliau dan ada bersama Datuk Seri Nazri Aziz disana. Di restoran itu, tidak ada apa-apa perkara yang timbul berkaitan dengan projek terowong ini. Tidak ada perbincangan. Semasa saya menghantar pulang Mr.Lim Guan Eng ke Hotel Garden dalam kereta saya, Lim Guan Eng ada memberitahu kepada saya yang Perdana Menteri China akan membuat lawatan ke Malaysia dan tentunya beberapa MOU akan ditandatangani semasa Perdana Menteri China berada di Malaysia. Lim Guan Eng mencadangkan kepada saya untuk saya arrange satu MOU antara BUCG dengan Kerajaan Pulau Pinang, tentunya akan disaksikan oleh Perdana Menteri China dan Perdana Menteri Malaysia. Mr.Lim Guan Eng memberitahu kepada saya yang jika saya dapat melaksanakan majlis MOU itu, projek itu akan diberikan kepada saya. Hanya saya dan Lim Guan Eng berada dalam kereta saya itu. Saya memberikan persetujuan kepada Lim Guan Eng untuk menjayakan majlis MOU seperti dicadangkan oleh Lim Guan Eng. Saya merasa gembira dan yakin percaya dengan apa yang dikatakan Lim Guan Eng kepada saya untuk memberikan projek itu anggaran saya RM7 billion itu kepada saya. Selepas itu, saya memberitahu Lim Guan Eng yang saya akan memberikan 10 % daripada keuntungan projek itu kelak. Saya tidak dapat sahkan, samada Lim Guan Eng

Sambungan Pernyataan

ada bertanya berapakah yang saya akan berikan kepada beliau. Maksud 10% adalah wang rasuah saya akan berikan kepada Lim Guan Eng. Lim Guan Eng kelihatan senyum setelah saya mengatakan hendak memberikan 10% wang rasuah itu. Lim Guan Eng tidak mengatakan No atau tidak mahu kepada saya. Kemudian Lim Guan Eng sampai di Hotel Garden dan saya berlalu dari situ.

Dalam bulan yang sama (tarikh sebenar saya tidak ingat), saya telah berhubung dengan kawan saya iaitu Dato' Roslan Bin Abd Rahman yang merupakan Pegawai Kanan di Kementerian Luar Negeri untuk memaklumkan perkara tersebut. Dato' Roslan kemudian memberikan nombor telefon seorang pegawai kanan (nama saya tidak ingat) di Kementerian Luar Negeri untuk mengendalikan majlis menandatangani MOU tersebut. Pegawai tersebut telah memasukkan di dalam salah satu agenda untuk menandatangani MOU tersebut. Saya hadir dalam majlis MOU itu dan turut disaksikan oleh YAB Perdana Menteri dan Perdana Menteri China.

Setelah majlis tersebut berjaya dilaksanakan, saya berjumpa dengan Lim Guan Eng di pejabat beliau di dalam Menara Komtar, Pulau Pinang untuk menuntut janji yang beliau tawarkan projek kepada saya. Pada ketika itu hanya saya dan beliau sahaja yang ada bersama. Lim Guan Eng memaklumkan kepada saya, projek tersebut tidak boleh dibuat secara direct nego tetapi perlu dibuat secara tender terbuka. Walaubagaimanapun, Lim Guan Eng telah memberitahu saya bahawa tender tersebut belum lagi akan dilaksanakan dan saya mempunyai tempoh masa yang panjang untuk menyediakan kertas kerja bagi memperolehi tender tersebut. Pada mulanya saya berasa amat kecewa kerana pada awalnya saya telahpun memaklumkan mengenai projek tersebut kepada syarikat BUCG. Namun saya mengambil inisiatif dengan berjumpa Pengerusi syarikat BUCG di Beijing China untuk mendapatkan komitmen dari segi kewangan dan teknikal serta dipersetujui oleh Pengerusi BUCG. Tujuan utama perjumpaan tersebut untuk menjalankan kerja secara usahama (Joint Venture) antara syarikat saya iaitu Zenith Construction Sdn Bhd

Sambungan Pernyataan

(ZCSB) dengan syarikat BUCG.

Syarikat ZCSB baru ditubuhkan oleh saya pada 22.8.2011 untuk tujuan tersebut. Persetujuan awal yang diperolehi adalah BUCG memegang syer sebanyak 80% dan ZCSB sebanyak 20% kerana syarikat BUCG akan menjadi funder utama. Namun disebabkan ZCSB tidak dapat memperolehi jaminan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk projek tersebut, maka BUCG tidak mendapat menjadi funder utama. Oleh itu, saya mengambil inisiatif dengan menubuhkan syarikat Consortium Zenith BUCG Sdn Bhd (CZBSB) melalui usahasama di antara ZCSB bersama-sama dengan syarikat BUCG di Malaysia, Juteran Sdn Bhd (JSB) dan Sri Tinggi Sdn Bhd (STSB) yang dimiliki oleh Tony Tan Cheng Kiat iaitu Pengasas syarikat Bina Puri Sdn Bhd. Syarikat saya iaitu ZCSB memegang syer sebanyak 70%, BUCG 10%, JSB 10% dan STSB 10 %. Walaubagaimanapun, syarikat CZBSB belum lagi ditubuhkan pada ketika itu dan perancangan awal adalah untuk memasuki tender tersebut menggunakan keempat-empat syarikat tersebut. Namun perancangan tersebut tidak diteruskan dan pada 5.7.2012 barulah CZBSB ditubuhkan kerana mendapat keputusan sebulat suara untuk menubuhkan syarikat CZBSB tersebut. Tujuan penubuhan CZSB adalah untuk memasuki tender projek itu.

Berkenaan dengan proses tender, syarikat saya mempunyai kelebihan kerana telah mengetahui dengan lebih lanjut maklumat-maklumat tender sebelum ini. Saya sahkan CZCSB ada memasuki tender dengan harga RM6.3 billion untuk keempat-empat pakej iaitu tiga highway dan satu terowong. Pada 23.1.2013, syarikat CZSB dianugerahkan tender 'Penang Major Road and Third Link Project ' bernilai RM6.3billion. Tender yang dianugerahkan oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk Penang Major Road and Third Lin Project ini terdiri dari kerja-kerja mengikut pakej dan nilai adalah seperti berikut:-

1. RM 305 juta untuk kerja-kerja flexibility study dan detail design.
2. RM 500 juta untuk bayaran-bayaran bagi land aquisition

Sambungan Pernyataan

3.RM 5.8b untuk kerja-kerja construction membina 3 highway dan 1 terowong bawah dasar laut. 3 highway itu adalah dari Ayer Hitam ke Lebuhraya Lim Chong Eu berjarak 5 KM, Jalan Berkembar dari Teluk Bahang ke Tanjung Bunga dengan jarak 10 km dan Gurney Bypass dari Jalan Pangkor ke Jelutong Expressway about 5 kilo. Manakala Terowong Bawah Dasar Laut(Under Sea Bed Tunnel) dari Bagan Agam ke Jalan Pangkor dengan jarak 7 KM.

Selepas CZCSB dianugerahkan tender oleh kerajaan Pulau Pinang pada 23.1.2013, saya jelaskan kembali mengenai portion 10% wang rasuah kepada Lim Guan Eng semasa saya memberithau kepada Lim Guan Eng didalam kereta dalam perjalanan ke Hotel Garden malam itu, portion 10% adalah terbatal kerana saya memperolehi tender ini adalah melalui proses tender terbuka. Janji 10% itu adalah jika saya dianugerahkan tender secara direct nego.

Namun saya telah membuat beberapa bayaran lain kepada Lim Guan Eng beberapa orang lagi Yang Berhormat dalam kerajaan Pulau Pinang setelah CZCSB memperolehi tender RM6.3 billion itu.

Saya dapat mengingati kali pertama saya memberikan wang rasuah kepada Lim Guan Eng adalah pada April 2013. Saya dapat ingat kerana masa itu telah hampir dengan pilihanraya 2013 pada Mei 2013. Jumlah yang saya beri kan kepada Lim Guan Eng pertama kali adalah berjumlah RM300 ribu. Saya serahkan kepada Jeffrey Chew, pegawai Lim Guan Eng di Starbuck Bayan Baru Pulau Pinang. Saya mulanya ada menelefon Lim Guan Eng untuk serahkan duit RM300 ribu itu, tetapi tidak dapat. Lalu saya hubungi Jeffrey Chew. Tujuan saya memberikan duit RM300 ribu tersebut adalah untuk memastikan projek yang diperolehi berharga RM6.3 billion itu terjamin, iaitu tiada pembatalan projek oleh Kerajaan Pulau Pinang. Saya sendiri yang menyerahkan wang RM300 ribu itu

Sambungan Pernyataan

kepada Jefry Chew. Wang diletakkan didalam beg sport berwarna biru. Hanya saya an Jefry Chew saja yang ada pada masa itu. Selepas saya serahkan kepada Jefry Chew, saya tidak ada menghubungi atau memberitahu kepada Lim Guan Eng yang saya telah berikan tunai RM300 ribu kepada Jefry Chew untuk nya. Sebabnya, Lim Guan Eng tidak ada meminta wang itu. Saya yang beri duit itu kepada Lim Guan Eng tanpa Lim Guan Eng minta. Semasa saya serahkan duit Lim Guan Eng RM300 ribu kepada Jefry Chew, saya ada memberitahu kepada Jefry Chew untuk menyerahkan wang tunai RM300 ribu itu kepada Lim Guan Eng . Duit itu bukan duit untuk Jefry Chew. Itu duit Lim Guan Eng. Saya percaya yang Jefry Chew sudah serahkan duit RM300 ribu itu kepada Lim Guan Eng, walaupun Jefry Chew tidak memberitahu saya yang beliau telah serahkan duit itu kepada Lim Guan Eng. Saya nafikan wang tunai RM300 ribu yang saya berikan kepada Lim Guan Eng itu adalah sumbangan saya kepada parti DAP untuk kegunaan pilihanraya PRU 13. Duit itu adalah duit kepada Lim Guan Eng. Saya tidak ada terima apa-apa resit atau penerimaan duit dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun dari parti DAP. Duit RM300 ribu itu saya perolehi dari syarikat ZCSB. Ibrahim yang keluarkan dari bank syarikat.

(Rakaman dihentikan pada jam 13:30 petang bagi OKT disediakan makan tengahari dan rehat serta ruang solat).

(Rakaman disambungkan kembali pada 14:30 petang. OKT diingati dengan kenyataannya yang lepas)

Selain dari Ketua Menteri Lim Guan Eng, dalam bulan April 2013 pada hari yang sama selepas saya serahkan duit RM300 ribu kepada Jeffry Chew, saya ke bangunan Komtar untuk memberikan wang tunai kepada beberapa orang Exco Pulau Pinang iaitu YB Lim Hock Seng, YB Ramasamy Timbalan Ketua Menteri, YB Chow Kon Yeow dan YB Abdul

Sambungan Pernyataan

Malek Kassim. Pemberian-pemberian tunai kepada Exco-exco itu untuk memastikan saya mempunyai hubungan baik dengan kerajaan Pulau Pinang, apatah lagi mereka adalah Exco yang akan membuat keputusan-keputusan penting berkaitan dengan projek ini semasa dalam mesyuarat Exco atau dalam apa-apa mesyuarat yang berkaitan dengan kemajuan projek ini.

Untuk YB Lim Hock Seng, jumlah tunai yang saya serahkan sendiri kepada YB Lim Hock Seng adalah berjumlah RM50 ribu sahaja. Saya serahkan kepada YB Lim Hock Seng di pejabatnya, tingkat 52 Bangunan Komtar. YB Lim Hock Seng adalah exco yang bertanggungjawab ke atas projek ini. Antara penglibatan YB Lim Hock Seng adalah untuk mempercepatkan proses *Preliminary Agreement* antara syarikat CZSB dengan Kerajaan Pulau Pinang. Saya sahkan, YB Lim Hock Seng tidak meminta wang RM50 ribu ini dari saya. Tetapi semasa menerima RM50 ribu dari saya, YB Lim tidak menolak. Tarikh tepat YB Lim Hock Seng terima duit RM50 ribu dari saya itu saya tidak pasti bila, tetapi pada bulan April 2013 waktunya sebelah petang di pejabat beliau. Tiada orang lain bersama. Hanya saya dan YB Lim Hock Seng saja yang berada di pejabat beliau waktu itu. Wang RM50 ribu itu adalah untuk YB Lim Hock Seng sendiri. Saya tidak ada menerima apa-apa bukti terimaan wang RM50 ribu dari Kerajaan Pulau Pinang atau Parti DAP jika wang itu telah digunakan oleh parti atau dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sumber wang tunai RM50 ribu ini adalah dari wang syarikat ZCSB.

Exco-Exco Pulau Pinang berada di tingkat 52 Bangunan Komtar, selepas saya serahkan duit RM50 ribu kepada YB Lim Hock Seng, saya telah ke pejabat YB Ramasamy iaitu Tim.Ketua Menteri. Di bilik YB Ramasamy, saya serahkan wang tunai RM50 ribu yang diletakkan di dalam sampul surat putih kepada YB Ramasamy. Tentunya YB Ramasamy adalah salah seorang Exco yang bertanggungjawab ke atas projek ini. Antara penglibatan YB Ramasamy adalah untuk mempercepatkan proses *Preliminary Agreement* antara syarikat CZSB dengan Kerajaan Pulau Pinang. Seperti juga YB Lim Hock Seng, YB Ramasamy tidak meminta wang RM50 ribu itu dari saya. Tetapi semasa menerima RM50

Sambungan Pernyataan

ribu dari saya, YB Ramasamy tidak menolak. Tarikh tepat YB Ramasamy terima duit RM50 ribu dari saya itu saya tidak pasti bila, tetapi pada bulan April 2013 waktunya sebelah petang di pejabat beliau. Tiada orang lain bersama . Hanya saya dan YB Ramasamy saja yang berada di pejabat beliau waktu itu. Wang RM50 ribu itu adalah untuk YB Ramasamy sendiri. Saya tidak ada menerima apa-apa bukti terimaan wang RM50 ribu dari Kerajaan Pulau Pinang atau Parti DAP jika wang itu telah digunakan oleh parti atau dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sumber wang tunai RM50 ribu ini adalah dari wang syarikat ZCSB.

Satu orang lagi Exco yang telah terima wang tunai sebanyak RM50 ribu ringgit dari saya pada bulan April 2013 pada hari yang sama dengan YB Ramasamy dan YB Lim Hock Seng adalah Yb Chow Kon Yeow. YB Chow Kon Yeow adalah Exco yang bertanggungjawab ke atas Transport Masterplan. Tentunya YB Chow terlibat dengan projek Penang Tunnel ini. Saya masuk ke dalam bilik YB Chow setelah dipelawa oleh beliau. Tiada ada pegawai lain dibilik itu. Saya pergi juga seorang diri. Di bilik YB Chow, saya serahkan wang tunai RM50 ribu yang diletakkan di dalam sampul surat putih kepada YB Chow. Seperti juga YB Lim Hock Seng dan YB Ramasamy , YB Chow tidak meminta wang RM50 ribu itu dari saya. Tetapi semasa menerima RM50 ribu dari saya, YB Chow tidak menolak. Tarikh tepat YB Chow terima duit RM50 ribu dari saya itu saya tidak pasti bila, tetapi pada bulan April 2013 waktunya sebelah petang di pejabat beliau. Wang RM50 ribu itu adalah untuk YB Chow sendiri. Saya tidak ada menerima apa-apa bukti terimaan wang RM50 ribu dari Kerajaan Pulau Pinang atau Parti DAP jika wang itu telah digunakan oleh parti atau dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sumber wang tunai RM50 ribu ini adalah dari wang syarikat ZCSB.

Exco yang keempat menerima wang tunai RM50 ribu dari saya pada hari yang sama dengan tiga exco diatas adalah YB Abdul Malek Kassim. Beliau adalah Exco Bahagian Agama. Namun keputusan-keputusan dibuat berkaitan dengan projek ini jika melibatkan exco

Sambungan Pernyataan

adalah dalam mesyuarat Exco. Selepas menyerahkan duit kepada tiga exco tadi, saya dipelawa masuk oleh YB Abdul Malik ke dalam bilik nya. Sebelum itu, dalam tiga hari sebelum saya menyerahkan duit kepada YB Abdul Malek, YB Abd Malek ada menelefon saya meminta wang. YB Abdul Malek tidak memberitahu berapa yang dia mahu. Semasa dalam bilik YB Abdul Malek , waktu itu hanya saya dan YB Abdul Malek saja ada bersama. Tidak ada pegawai lain. Saya mengeluarkan wang RM50 ribu yang saya letak didalam sampul surat dan memberitahu kepada YB Abdul Malek ada RM50 ribu didalam sampul itu. YB Abdul Malek tidak menolak dan bertanya duit apa. Saya memberitahu kepada YB Abdul Malek yang wang itu untuk beliau yang beliau call tempoh hari. YB Abdul Malek kenal saya dan pernah berjumpa semasa menguruskan projek ini. YB Abdul Malek tahu saya dari Kontraktor yang menguruskan Projek Penang Tunnel RM6.3b. Tarikh tepat YB Abdul Malek terima duit RM50 ribu dari saya itu saya tidak pasti bila, tetapi pada bulan April 2013 waktunya sebelah petang di pejabat beliau. Wang RM50 ribu itu adalah untuk YB Abdul Malek sendiri. Saya tidak ada menerima apa-apa bukti terimaan wang RM50 ribu dari Kerajaan Pulau Pinang atau Parti PKR jika wang itu telah digunakan oleh parti atau dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sumber wang tunai RM50 ribu ini adalah dari wang syarikat ZCSB.

Bagi pemberian tunai kepada exco-exco , hanya empat YB yang terlibat diatas iaitu YB Ramasamy, YB Lim, YB Chow dan YB Abdul Malek. Jumlah tunai kepada keempat-empat mereka adalah RM200 ribu. Tetapi untuk YB Lim Guan Eng, saya ada lagi memberikan wang tunai kepada YB Lim Guan Eng selepas bahagian beliau RM300 ribu diserahkan kepada Jefry Chew pada April 2013.

Tunai kedua yang saya berikan kepada Lim Guan Eng adalah pada Ogos 2013 menjelang Hariraya Puasa iaitu selepas pilihanraya ke 13, Lim Guan Eng masih Ketua Menteri dalam Kerajaan Pulau Pinang dan ini akan memudahkan saya melaksanakan projek ini. Pada

Sambungan Pernyataan

September 2013, syarikat saya dalam proses untuk mendapatkan *preliminary agreement* dengan cepat kerana LOA telah diperolehi. Tanpa Lim Guan Eng tentunya sukar jika memerlukan keputusan-keputusan beliau yang melibatkan Kerajaan negeri Pulau Pinang. Berbeza dengan pemberian duit RM300 ribu yang pertama, kali ini saya sendiri yang serahkan duit RM100 ribu kepada Lim Guan Eng di pejabatnya di tingkat 28 Menara Komtar. Wang tunai sebanyak RM100 ribu itu saya letakkan di dalam sampul dan Lim Guan Eng sendiri yang terima duit itu di dalam biliknya. Masa itu jam 5.00 petang dan tiada pegawai lain ada bersama. Hanya saya dan Lim Guan Eng saja.. Pada hari saya serahkan RM100 ribu itu, saya ada buat temujanji terlebih dahulu dengan pejabat Ketua Menteri. Namun, semasa saya memasuki pejabat Lim Guan Eng itu, saya tidak ada tandatangan apa-apa buku pelawat yang mengesahkan saya kehadiran saya. Saya dapatkan duit RM100ribu itu adalah duit syarikat yang diuruskan oleh Ibrahim. Wang RM100 ribu itu adalah untuk YB Lim Guan Eng. Saya tidak ada menerima apa-apa bukti terimaan wang RM100ribu dari Kerajaan Pulau Pinang atau Parti DAP jika wang itu telah digunakan oleh parti atau dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sumber wang tunai RM100ribu ini adalah dari wang syarikat ZCSB.

Jumlah tunai yang Lim Guan Eng terima dari saya dalam tahun 2013 adalah RM400 ribu. Iaitu RM300 ribu melalui Jefry Chew dan RM100 ribu semasa menjelang hari raya puasa pada Ogos 2013.

Dalam tahun 2014, pada bulan Februari 2014 menjelang sambutan tahun baru Cina, saya sekali lagi ke pejabat YB Lim Guan Eng di Tingkat 28 Menara Komtar. Saya pergi seorang diri . Sebelum pergi saya ada membuat temujanji dengan pejabat YB Ketua Menteri, tetapi semasa masuk ke pejabat beliau, saya tidak ada tandatangan apa-apa buku lawatan. Sebaik saja sampai di pejabat YB Lim Guan Eng. Saya dipelawa masuk oleh YB Lim

Sambungan Pernyataan

Guan Eng. Waktu itu sebelah petang lebih kurang jam 5.00 petang. Tidak ada pegawai lain ketika itu. Saya memberitahu kepada YB Lim Guan Eng yang saya ada membawa wang tunai RM100 ribu ringgit didalam envelop putih itu. Lalu YB Lim Guan Eng terima wang RM100 itu dari saya setelah saya hulur kepada beliau. YB Lim Guan Eng tidak menanya duit apa, dia tidak menolak. YB Lim Guan Eng adalah Ketua Menteri Pulau Pinang yang akan membuat apa-apa keputusan mengenai projek di dalam mesyuarat exco atau apa-apa mesyuarat yang berkaitan dengan projek ini. Pada peringkat ini, syarikat saya yang telah diberikan LOA untuk melaksanakan projek Penang Tunnel ini dalam proses mendapatkan preliminary Agreement dengan Kerajaan Negeri. Peguam saya ketika itu sedang berurusan dengan Legal Side dari Kerajaan Pulau Pinang. Saya berada di bilik YB Lim Guan Eng hanya sekejap saja. YB kelihatan gembira setelah menerima wang dari saya. Saya dapatkan duit RM100ribu itu adalah duit syarikat yang diuruskan oleh Ibrahim. Wang RM100 ribu itu adalah untuk YB Lim Guan Eng. Saya tidak ada menerima apa-apa bukti terimaan wang RM100ribu dari Kerajaan Pulau Pinang atau Parti DAP jika wang itu telah digunakan oleh parti atau dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sumber wang tunai RM100ribu ini adalah dari wang syarikat ZCSB.

Berikutnya pada bulan Disember 2014, saya meraikan sambutan birthday YB Lim Guan Eng dengan telah memberikan RM100 ribu tunai kepada beliau di pejabatnya di tingkat 28 Menara Komtar. Saya ke sana seorang diri setelah membuat temujanji dengan pejabat Ketua Menteri. Saya tiba pada sebelah petang sekitar jam 5.00 petang. tetapi semasa masuk ke pejabat beliau, saya tidak ada tandatangan apa-apa buku lawatan. Sebaik saja sampai di pejabat YB Lim Guan Eng. Saya dipelawa masuk oleh YB Lim Guan Eng. Tidak ada pegawai lain ketika itu. Saya memberitahu kepada YB Lim Guan Eng yang saya ada membawa wang tunai RM100 ribu ringgit didalam envelop putih itu. Lalu YB Lim Guan Eng terima wang RM100 itu dari saya setelah saya hulur kepada beliau. YB Lim Guan Eng

Sambungan Pernyataan

tidak menanya duit apa , dia tidak menolak. YB Lim Guan Eng adalah Ketua Menteri Pulau Pinang yang akan membuat apa-apa keputusan mengenai projek di dalam mesyuarat exco atau apa-apa mesyuarat yang berkaitan dengan projek ini. Pada peringkat ini, syarikat saya dalam proses melaksanakan *flexibility study*. Saya berada di bilik YB Lim Guan Eng hanya sekejap saja. YB kelihatan gembira setelah menerima wang dari saya. Saya dapatkan duit RM100ribu itu adalah duit syarikat yang diuruskan oleh Ibrahim. Wang RM100 ribu itu adalah untuk YB Lim Guan Eng. Saya tidak ada menerima apa-apa bukti terimaan wang RM100ribu dari Kerajaan Pulau Pinang atau Parti DAP jika wang itu telah digunakan oleh parti atau dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sumber wang tunai RM100ribu ini adalah dari wang syarikat ZCSB.

Berikutnya pada tahun 2015, pada birthday YB Lim Guan Eng pada bulan Disember 2015, saya seperti tahun lepas ada membawa wang tunai RM100 ribu dan seutas jam tangan jenama Maurice Lacroix berwarna hitam bernilai RM40 ribu ke pejabat YB Lim Guan Eng di tingkat 28 Menara Komtar. Sebelum pergi, tentunya saya membuat temujanji terlebih dahulu dengan pejabat Ketua Menteri, waktu diberikan pada sebelah petang dalam jam 5.00 petang. Sebaik tiba , saya dipelawa masuk oleh YB Lim Guan Eng. Tiada ada pegawai lain bersama. YB Lim Guan Eng dan saya saja di bilik beliau. Setelah duduk dan bersembang seketika . YB ada bertanya mengenai dengan projek tunnel ini. Saya memberitahu kepada YB Lim Guan Eng yang sekarang masih dalam peringkat untuk melaksanakan *flexibility study*. Kemudiannya saya memberitahu kepada YB Lim Guan Eng yang saya ada membawa wang tunai RM100 ribu dan seutas tangan untuk beliau sempena hari jadi beliau. Saya serahkan wang RM100 ribu dan jam tangan itu lengkap kotak berwarna hitam, selepas itu, YB Lim Guan Eng memberikan kembali wang RM100 ribu itu kepada saya dengan mengatakan, duit tak payah lah. Jam tangan jenama Maurice Lacroix diterima oleh YB Lim Guan Eng. Beliau membuka kotak jam itu dan lihat jam. YB Lim Guan Eng kelihatan gembira bila menerima jam tangan dari saya. Selepas itu, saya beredar dari pejabat YB Lim Guan Eng. Saya tidak pula melihat YB Lim Guan Eng

Sambungan Pernyataan

memakai jam saya berikan itu. Mengenai dengan jam tangan jenama Maurice Lacroix itu, saya sendiri yang membeli dari seorang jurujual jam bernama Rajendran. Rajendran membawa jam Maurice ini ke pejabat saya. Dan jam berharga RM40ribu ini dibayar dengan menggunakan cek dari akaun bank UOB ZCSB. YB Lim Guan Eng tidak pernah meminta jam tangan itu sempena hari jadi beliau. Saya yang memberikan kepada YB Lim Guan Eng. Tujuan saya memberikan jam itu adalah semata-mata untuk memastikan pelaksanaan projek saya Penang Tunnel saya berjalan lancar dengan Kerajaan Pulau Pinang.

Soalan :Dari keterangan diatas, sebanyak RM200 ribu telah diberikan kepada empat orang exco Kerajaan Pulau Pinang masing-masing RM50 ribu seorang iaitu untuk YB Ramasamy, YB Chow, YB Lim dan YB Abdul Malek. Duit apakah itu?.

Jawapan :Duit itu adalah duit rasuah saya kepada mereka dari saya.

Soalan :Apa tujuan duit itu diberikan kepada empat YB Exco itu?.

Jawapan :Kerana exco-exco itu adalah membuat keputusan berkaitan dengan projek Penang Tunnel yang dianugerahkan kepada syarikat saya.

Soalan :Bagaimana dengan bayaran tunai kepada YB Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang sebanyak RM600 ribu dan seutas jam tangan mewah jenama Maurice Locroix berharga RM40ribu. Itu duit apa?.

Jawapan :Itu adalah duit rasuah saya kepada YB Lim Guan Eng. Selaku Ketua Menteri tentunya beliau mempunyai kuasa dalam membuat keputusan atas apa-apa cadangan dalam mesyuarat berkaitan dengan projek ini, lebih lebih lagi dalam mesyuarat exco .

Sambungan Pernyataan

Soalan :Dari keterangan kamu, tidak ada menunjukkan YB Lim Guan Eng, YB Ramasany, YB Chow, YB Lim dan YB Abdul Malek meminta wang dari kamu serta jam tangan bagi YB Lim Guan Eng. Mengapa kamu memberikan wang – wang tunai itu dan jam berjenama mewah itu?.

Jawapan :Mereka mempunyai kuasa dalam menentukan projek ini.

Soalan :Apakah kebimbangan yang paling kamu risau dengan projek ini?.

Jawapan :Banyak keputusan boleh tertangguh jika YB-YB Exco dan Ketua Menteri tidak masuk campur dan mengganggu projek ini. Saya diberikan projek yang memakan masa 10 tahun iaitu dari 2013 hingga 2023, tentunya sebarang keputusan boleh diubah oleh YB-YB diatas. Satu lagi ianya melibatkan pengambilan tanah, tentunya melibatkan keputusan dari YB YB diatas dan Ketua Menteri.

Soalan :Adakah pemberian kamu kepada YB – YB diatas berjumlah RM800 ribu itu adalah pinjaman kamu kepada mereka?.

Jawapan :Bukan pinjaman. Mereka tidak meminjam dari saya. Itu rasuah sebenarnya.

Soalan :Selain dari projek Penang Tunnel ini, adakah CZSB ada melaksanakan projek-projek lain di Pulau Pinang?.

Jawapan :Tidak ada.

(Rakaman keterangan dihentikan pada jam 16:15 bagi OKT rehat dan solat)

(Rakaman keterangan disambung kembali pada jam 16:45. OKT diingati dengan keterangan yang terdahulu).

Saya juga mahu menjelaskan yang saya ada membuat bayaran-bayaran tunai kepada

Sambungan Pernyataan

beberapa pihak lain dalam masa memperolehi projek ini. Projek Penang Tunnel ini adalah satu projek besar, apatah lagi dengan MOU antara BUCG dan Kerajaan Pulau Pinang disaksikan oleh kedua-dua Perdana Menteri.

Antara pihak – pihak lain yang telah saya berikan wang tunai semasa mendapatkan projek Penang Tunnel ini adalah Dato Sri Nazri Aziz. Beliau adalah kenalan saya . Tentunya setiap kali pilihanraya saya membantu beliau. Bagi pilihanraya 2013 baru-baru ini, saya telah memberikan tunai RM500 ribu kepada Dato Seri Nazri Aziz. Dato Sri Nazri Aziz dan Lim Guan Eng adalah berkawan, itu semua orang tahu. Dato Sri Nazri Aziz yang kenalkan saya kepada Lim Guan Eng di Hotel Shang ri La pada malam tempoh hari. Wang RM500 ribu itu saya serahkan sendiri kepada Dato Sri Nazri Aziz di rumah beliau di UBN Tower, Jalan Sultan Ismail. Kejadian itu pada April 2013 pada sebelah malam. Ada seorang pegawai Dato Sri ada ketika itu bersama. Saya tidak ingat siapa. Dato Sri Nazri Aziz menyuruh saya meletakkan duit RM500 ribu itu di dalam bilik beliau dirumahnya. Wang RM500 ribu itu saya letakkan di dalam plastik beg saja. Duit RM500 ribu ini adalah dari akaun syarikat ZCSB. Staff saya Ibrahim yang mengeluarkan dari bank ZCSB.

Selain dari Dato Sri Nazri Aziz, saya adalah kenalan kepada YB Datuk Seri Ismail Sabri, pada tahun 2013 beliau adalah Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Saya pernah memegang jawatan penasihat dalam Koperasi Kowaja dan dari situ mula kenal dengan Datuk Seri Ismail Sabri. Seterusnya pada April 2013 menjelang pilihanraya 2013, saya telah menghubungi Dato' Nazimah. Dato ' Nazimah adalah Setiausaha Sulit YB Datuk Seri Ismail Sabri. Dato ' Nazimah telah datang berjumpa saya di Restoran TGIF Plaza Damas. Dato Nazimah datang bersama dengan Dato' Dini iaitu Setiausaha Akhbar YB Datuk Seri Ismail Sabri. Saya telah memberikan kepada Dato Nazimah wang tunai RM200 ribu yang turut disaksikan oleh Dato Dini. Wang diletakkan dalam beg plastik saja. Tujuan wang tunai ini adalah untuk perbelanjaan pilihanraya YB Datuk Seri Ismail Sabri. Wang RM200 ribu itu diuruskan oleh staff saya

Sambungan Pernyataan

Ibrahim yang mengambilnya dari account bank syarikat.

Seorang lagi adalah YB Datuk Halimah Sadique, iaitu bekas Pengerusi Lembaga LPKP. Beliau adalah kenalan saya sejak tahun 2008 lagi. Melalui Dato Seri Nazri Aziz yang waktu itu, Dato Sri Nazri Aziz adalah Menteri di JPM. Saya sahkan pada April 2013, saya telah berjumpa sendiri dengan YB Datuk Halimah, tetapi tempat saya tidak dapat ingat. Saya berjumpa dengan beliau dan menyerahkan wang tunai RM100 ribu kepada beliau yang saya letakkan di dalam sampul putih. Tujuan saya berikan duit RM100 ribu itu adalah untuk membantu YB Halimah dalam pilihanraya PRU 13 pada masa itu. Punca duit RM100 ribu itu adalah dari account bank ZCSB yang diuruskan oleh staff saya Ibrahim yang mengeluarkannya dari bank.

Ada lagi Ahli Parlimen yang saya bantu dengan memberikan tunai iaitu YB Nor Jazlan Rahmat. Ramai kenalan saya ahli politik. Saya kenal dengan YB Nor Jazlan ini sejak sekitar 2009 atau 2010. Pada masa itu, saya telah hubungi YB Nor Jazlan untuk berjumpa dengan saya di Lake Club KL Taman Tasik Perdana. Saya sahkan telah memberikan wang tunai RM100 ribu kepada Nor Jazlan di Lake Club Taman Tasik Perdana. Tujuan nya adalah bagi membantu YB Nor Jazlan pada masa itu yang sedang kempen pilihanraya 2013. Tidak ada orang lain pada masa itu. Punca duit RM100 ribu itu adalah dari account bank ZCSB yang diuruskan oleh staff saya Ibrahim yang mengeluarkannya dari bank.

Pada April 2013 juga, saya juga ada memberikan wang tunai RM50 ribu kepada pegawai khas YB Datuk Sri Zahid Hamidi, nama pegawai khas itu adalah Dato Engku Kamal. Dato Engku adalah jiran saya. Saya memberikan wang RM50ribu itu untuk Dato Engku membelanjakan semasa Dato Engku mengikuti YB Datuk Sri Zahid Hamidi dalam kempen pilihanraya 2013 baru baru ini. Punca duit RM50 ribu itu adalah dari account bank ZCSB yang diuruskan oleh staff saya Ibrahim yang mengeluarkannya dari bank.

Sambungan Pernyataan

Saya turut membelanjakan RM50ribu kepada Dato Zainal Abidin Bin Abd.Rahim, Setiausaha BNBB yang juga merupakan Director di dalam ZCSB. Saya memberikan wang tunai RM50ribu kepada Dato Zainal di bilik saya untuk beliau gunakan semasa pilihanraya 2013. Beliau datang meminta wang RM50ribu dari saya lalu saya beri. Punca duit RM50 ribu itu adalah dari account bank ZCSB yang diuruskan oleh staff saya Ibrahim yang mengeluarkannya dari bank.

Soalan :Bayaran-bayaran tunai kepada YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, YB Ismail Sabri, YB Nazri Aziz, YB Halimah Sadiq dan YB Nur Jazlan dan Dato Zainal Abidin Ab.Rahim pada April 2013 itu tujuan apa sebenarnya?.

Jawapan :Sokongan saya kepada kenalan saya YB YB diatas. Mereka tiada kaitan dengan kes ini.

Soalan :Jika tiada kaitan dengan kes ini, mengapa kamu mahukan saya ianya dijadikan keterangan kamu dalam kes ini?.

Jawapan : Saya mahu masukkan keterangan-keterangan itu kerana jika ada pihak yang menanya tentang adanya pembayaran-pembayaran lain, saya akan gunakan keterangan saya ini.

Soalan :Adakah bayaran-bayaran tunai kepada YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, YB Ismail Sabri, YB Nazri Aziz, YB Halimah Sadiq dan YB Nur Jazlan dan Dato Zainal Abidin Ab.Rahim menggunakan wang dari pembiayaan land swipping kes ini?.

Jawapan :Tidak. Land swipping hanya pada 2015. Tidak masa ini. Wang itu tiada kaitan dengan kes ini.

Dalam tahun 2015, semasa membangunkan projek ini, tanah lot 702 dibangunkan dengan projek Kondominium oleh Syarikat Ewein Zenith. Pembangunan perumahan memerlukan

Sambungan Pernyataan

kelulusan pengiklanan dari KPKT. Pada tahun itu, Menteri KPKT adalah Datuk Rahman Dahlan. Pegawai Khas Datuk Rahman Dahlan yang bernama Dato Tg.Azman telah datang berjumpa bertemu saya di sebuah restoran di Jalan Tunku Abdul Rahman pada Jun 2015. Dato Tg.Azman meminta wang sebanyak RM500 ribu bagi menjamin kelulusan pengiklanan diluluskan. Saya telah serahkan RM500ribu kepada Dato Tg.Azman di pejabat KPKT beberapa hari kemudian dari perjumpaan di Jalan Tunku Abdul Rahman. Tiada orang lain bersama sewaktu saya serahkan wang itu kepada Dato Tg.Azman. Punca duit RM500 ribu itu adalah dari account bank ZCSB yang diuruskan oleh staff saya Ibrahim yang mengeluarkannya dari bank.

Soalan :Bayaran RM500 ribu kepada Datuk Rahman Dahlan itu tujuan apa?.

Jawapan :Bayaran rasuah untuk meluluskan permit pengiklanan projek kondominium di Pulau Pinang yang dibangunkan di Lot 702 oleh Ewin Zenith Sdn Bhd.

Pada bulan Ogos 2017, saya mendapat tahu dari media yang mengemburkan adanya siasatan oleh SPRM ke atas projek Penang Tuneel. Saya gelabah dan takut. Terus saya mengadu perkara itu kepada Datuk Sri Nazri Aziz. Saya ada berjumpa dengan Datuk Sri Nazri Aziz dan ada bersama ketika itu adalah kawan Dato Sri Nazri iaitu D.S Ghana Rajah. D.S.Ghana Rajah dikenalkan oleh Dato Sri Nazri merupakan kenalan rapat dengan Perdana Menteri. Di rumah Dato Sri Nazri saya menceritakan kepada D.S.Ghana Rajah dengan siasatan oleh SPRM ke atas projek saya. Perjumpaan di rumah Dato Sri Nazri Aziz tidak membicarakan apa-apa permintaan dari D.S.Ghana Rajah.

Seterusnya, kali kedua saya berjumpa dengan D.S.Ghana Rajah adalah di rumah D.S.Ghana Rajah di seksyen 5 Petaling Jaya. Saya pergi bersama pemandu bernama Rajesh. Semasa di rumah D.S.Ghana Rajah, saya bertanya kepada D.S.Ghana Rajah, berapa hendak beri kepada PM, D.S.Ghana Rajah memberitahu RM2 juta . Saya minta kurang kepada RM1juta saja, tetapi D.S.Ghana Rajah menolak, tetap RM2juta kerana

Sambungan Pernyataan

RM1juta terlalu sedikit. Saya pun setuju. D.S.Ghana Rajah suruh saya menyerahkan duit tunai RM2 juta di Austin Hotel Petaling Jaya.

Dua hari kemudian, saya bersama Rajesh ke Austin Hotel pada kira kira jam 8 malam. Saya ke lobby hotel dan berjumpa dengan D.S.Ghana Rajah. D.S.Ghana Rajah menanya mana duit RM2juta, saya beritahu ada dalam kereta bersama dengan pemandu di lobby parking. Dalam pertemuan dengan D.S.Ghana Rajah di Austin Hotel, D.S.Ghana Rajah ada menanya saya berapa yang saya mahu berikan kepada PM, saya memberitahu RM5juta. D.S.Ghana Rajah tidak setuju dengan mengatakan ini PM. Lalu saya up kepada RM10juta. Juga D.S.Ghana Rajah mengatakan sedikit . Lalu saya memberitahu kepada D.S.Ghana Rajah yang saya dapat loan cuma RM25juta dari Maybank. Dan hendak gunakan duit untuk working capital. Lalu saya tetapkan RM15juta. D.S.Ghana Rajah pun setuju. Di hotel lobby Austin Hotel itu, D.S.Ghana Rajah ada menunjukkan kepada saya satu wassap message yang mana saya baca ada nama saya disitu, dan ada perkataan will be charge under AMLA. Saya terkejut dan amat takut. D.S.Ghana Rajah memberitahu dia dapat message itu dari PM. Setelah saya setuju untuk membuat bayaran RM15juta kepada PM, D.S.Ghana Rajah tidak memberitahu lagi kepada saya bagaimana hendak buat bayaran RM15juta kepada PM itu.

Selepas itu, saya dan D.S.Ghana Rajah masing masing berlalu dan menuju ke kereta masing – masing. Sebaik sampai di kereta saya yang di lobby parking, saya menunggu kereta D.S.Ghana Rajah. Sebaik D.S.Ghana Rajah tiba dengan keretanya, saya keluar dari kereta dan mengeluarkan beg hitam yang mengadungi duit tunai RM2juta dan berikan kepada beg hitam itu kepada D.S.Ghana Rajah. D.S.Ghana Rajah tidak keluar dari kereta. Dia suruh saya masukkan beg hitam ke dalam bahagian tempat duduk belakang keretanya. Kereta D.S.Ghana Rajah datang bersama pemandu. Jenis kereta beliau adalah Bentley hitam. Nombor pendaftaran penuh saya tidak ingat, tetapi angka 1 saja.

Sambungan Pernyataan

Lebih kurang dari seminggu, saya ada menerima wassap dari D.S.Ghana Rajah . Dalam wassap itu, D.S.Ghana Rajah memberikan nama syarikat dan nombor akaun bank untuk saya masukkan ke duit RM15juta untuk PM. Nama syarikat itu adalah Bumi Muhibbah Sdn Bhd. Nombor account saya tidak dapat ingat, tetapi ada pada Ibrahim. Telefon yang saya gunakan itu telah saya jual dan tidak simpan lagi. Nombor telefon adalah nombor telefon saya 012-2605199. Selepas itu, saya perlu mendapatkan duit RM15juta itu. Saya dapati duit loan dari Maybank belum ada lagi, kemudian saya terus berjumpa dengan Datuk Ng dari Wira Syukur Sdn Bhd. Wira Syukur Sdn Bhd merupakan share holder ZCSB. Saya arahkan Datuk Ng untuk TT kan ke Bumi Muhibbah Sdn Bhd pada jumlah RM15 juta. Selepas saya dimaklumi oleh Datuk Ng yang Wira Syukur telah membuat bayaran RM15juta , saya telah bercakap dengan D.S.Ghana Rajah dan memberitahu saya telah memasukkan duit RM15juta ke akaun Bumi Muhibbah.

Lebih kurang sebulan selepas saya membuat bayaran RM15juta kepada Bumi Muhibbah, D.S.Ghana Rajah telah menelefon saya dan meminta lagi RM2 juta. Katanya untuk *'keep it warm'* . Biasanya D.S.Ghana Rajah selalu berada di Austin Hotel. Saya tidak ingat bila tarikh tepat, saya telah membawa wang tunai RM2 juta dan telah serahkan kepada D.S.Ghana Rajah . Waktu itu sebelah malam sekitar jam 11 malam. Duit diletakkan di dalam beg. D.S.Ghana Rajah membuka beg dan berlalu.

Bayaran-bayaran yang diberikan kepada D.S.Ghana Rajah berjumlah RM19 juta semuanya adalah untuk PM bagi settle kes saya dengan SPRM dan mengeratkan hubungan saya dengan PM untuk future business syarikat saya.

Saya memang bimbang jika ada siasatan SPRM ke atas projek ini, kerana saya takut reputasi syarikat saya akan terjejas dan kes itu melibatkan AMLA, saya kluatir akaun syarikat akan dibekukan dan tiada ada cara lain untuk membiayai pelaksanaan projek. Untuk itu, setelah bayaran RM19juta diberikan kepada PM melalui D.S.Ghana Rajah, saya ada menghubungi seorang lagi kenalan saya iaitu Dato Jaabar. Saya tahu Dato Jaabar

Sambungan Pernyataan

kenalan rapat dengan Datuk Azeez Rahim YB Baling. Saya memberitahu kepada Dato Jaabar yang SPRM ada menjalankan siasatan ke atas projek itu. Selepas itu, Dato Jaabar memberitahu kepada saya yang Datuk Azeez Rahim meminta RM4 juta untuk tolong settle kan siasatan kes SPRM ke atas syarikat saya. Lebih kurang pada bulan Ogos 2017, saya telah berjumpa dengan Dato Jaabar di lobi hotel Mandarin Oriental. Pertemuan pada sebelah petang lebih kurang pukul 4. Saya ke sana bersama dengan Rajesh. Duit RM1 juta saya letakkan di dalam beg sukan. Selepas Dato Jaabar sampai dan berjumpa saya di lobi hotel, saya serahkan duit itu kepada Dato Jaabar. Dato Jaabar membuka beg dan melihat ke dalam beg. Dato Jaabar datang seorang diri. Pertemuan dengan Dato Jaabar itu hanya seketika dan dia memberitahu kepada saya jangan risau. Kemudian Dato Jaabar berlalu dari saya.

Pemberian kedua tunai seterusnya kepada Dato Jaabar adalah sebulan kemudian dengan jumlah RM2 juta . Dato Jaabar menghubungi saya untuk berjumpa dengan beliau di Hotel Mandarin Oriental. Saya bersama dengan Rajesh ke Hotel Mandarin Oriental. Duit saya letakkan di dalam beg sukan. Kemudian setelah Dato Jaabar tiba, saya serahkan duit RM2 juta kepada Dato Jaabar. Dato Jaabar membuka beg dan melihat duit itu didalamnya. Kemudian dia berlalu dari saya. Dia tidak mengatakan apa-apa kepada saya.

Berkenaan dengan bayaran RM3 juta itu kepada Datuk Abdul Azeez Rahim ini, adalah semata-mata untuk PM menutup kes siasatan saya dengan SPRM. Saya tidak pernah menerima panggilan dari Datuk Abdul Azeez Rahim setelah saya berikan duit kepada Dato Jaabar. Saya percaya yang duit saya berikan RM3 juta kepada Dato Jaabar itu telah sampai ke Datuk Abdul Azeez Rahim.

Berhubung dengan penahanan saya, saya bekerjasama dengan sepenuhnya kepada pihak SPRM pada hari ini dengan mendedahkan bayaran-bayaran rasuah yang telah saya ceritakan didalam keterangan ini. Tentunya kerjasama ini bukan untuk hari ini tetapi

Sambungan Pernyataan

saya setuju untuk datang ke SPRM lagi sekiranya masih diperlukan keterangan dari saya.

OKT telah membaca kembali percakapan dan diakui betul.

Soalan : Adakah keterangan kamu adalah benar berkaitan kes ini?.

Jawapan : Ya.

Soalan : Adakah kamu dipaksa / diugut untuk memberikan pernyataan diatas?

Jawapan : Tiada

Soalan : Adakah kamu mahu meminda keterangan kamu?.

Jawapan : Tiada

Tandatangan Orang Yang Diperiksa

.....

Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli

Tandatangan Pemeriksa

.....

Wan Zulkifli Mohamed, PsK

Rakaman ditamatkan pada jam 18:00 hrs.

Saya Wan Zulkifli Bin Mohamed, PsK menyambung semula pernyataan Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli , NO K/P: 590907-09-5013 pada tarikh 14.1.2018 jam 16:00 petang di bilik VIR 13 Ibu pejabat SPRM Putrajaya. Sebelum sambungan rakaman pernyataan diambil, saya telah membacakan semula pernyataan beliau yang dirakamkan pada 12.1.2018 dan 13.1.2018.

Sebelum pernyataan direkodkan saya telah membacakan kepada orang yang diperiksa kehendak peruntukan seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 seperti berikut:

Sambungan Pernyataan

“Kamu telah ditangkap /dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas seksyen 18 ASPRM 2009. Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu dimahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakan sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan.”

Soalan :Adakah kamu faham peruntukan seksyen 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang telah dibacakan kepada kamu?

Jawapan :Ya , Faham.

.....
T/T Orang Yang Diperiksa	Jurubahasa	T/T Pegawai Yang Memeriksa.
Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli		PsK Wan Zulkifli Bin Mohamed

Sebagai menjawab pertanyaan – pertanyaan saya, OKT Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli telah menyatakan seperti berikut:-

Soalan :Adakah kamu mahu menyambung keterangan kamu sekarang. Jika mahu saya akan lakukan?.

Jawapan :Ya.

Soalan :Adakah kamu didorong, diugut atau dijanjikan dengan apa-apa jua bagi memberi pernyataan ini?

Jawapan :Tiada .

Soalan :Adakah kamu ada mahu mengadu apa-apa rasa sakit?.

Jawapan :Tiada

Soalan :Adakah kamu ada dipukul atau dcederakan?.

Jawapan :Tidak.

Sambungan Pernyataan

Soalan :Adakah selesa untuk dirakam keterangan pada petang ini?.

Jawapan :Selesa.

Pada hari ini, saya terangkan mengenai bagaimana dengan sumber pembiayaan untuk ZCSB melaksanakan kerja-kerja flexibility study. Dari tahun 2013 hingga 2015, sebelum land swipping diperolehi oleh ZCSB. Tanah '*Land Swipping*' kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Pulau Pinang bagi pembiayaan projek Penang Tunnel ini, tanah yang diswap itu adalah di Lot 702 dan Lot 713 Jalan Jalan Seri Tanjung Pinang. Urusan perpindahan tanah Lot 702 ke ZCSB selesai pada 2015 dan Lot 213 pada tahun 2017. Keluasan tanah lot 702 adalah 3.67 ekar bernilai RM133 juta. Lot 713 berkeluasan 2.0 ekar bernilai RM73 juta. Kedua-dua lot itu tidak terlibat dengan pembangunan projek ini. Maksudnya bukan sebahagian daripada track highway.

Setelah saya memperolehi Lot 702, saya bersama dengan Dato' SK Ewe (ESK) telah setup satu syarikat bernama Ewein Zenith Sdn Bhd(EZSB). Saya memberikan Dato ESK pegangan 60% dalam EZSB dan baki 40% dimiliki oleh saya. Pemilikan 60% adalah bersamaan dengan RM79.8 juga, tetapi selepas saya membayar premium sebanyak RM5 juta, jumlah bersih yang diterima oleh saya adalah RM74.8 juta. Dato ESK telah menjelaskan RM74.8juta ke Akaun Public Bank ZCSB pada 2015. Tarikh tepat ada pada account dept. EZCB telah membangunkan lot 702 itu dengan pembinaan kondominium 700 unit di Jalan Seri Tanjung Pinang. Projek masih dalam progress.

Berkenaan dengan Lot 713 dengan keluasan cuma 2.0 ekar itu, tanah itu telah saya daftarkan atas nama Zenith Urban Development Sdn Bhd(ZUB). Pemilikan ZUB adalah terdiri dari Wira Syukur Sdn Bhd sebanyak 70% dan ZCSB sebanyak 30%. ZUB telah membuat cagaran tanah lot 713 kepada Maybank pada harga RM25juta dengan coprate guarantor adalah Wira Syukur Sdn Bhd. ZCSB telah mendapat bayaran dari Maybank atas cagaran lot 713 sebanyak RM25juta.

Sambungan Pernyataan

Dari kedua-dua lot itu, jumlah dana yang diperolehi oleh ZCSB bagi pembiayaan projek flexibility study dan detail design ini adalah RM99.8 juta.

Daripada dana RM99.8 juta itu, anggaran bayaran kepada konsultant yang melaksanakan projek ini adalah sekitar RM40 juta. Konsultant utama yang melaksanakan projek ini adalah JKM Konsult. Terdapat beberapa lagi konsultant lain juga dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja ini seperti Mega Soil untuk kerja-kerja soil investigation, Massive Victory untuk kerja-kerja Land Acquisition, Pakatan Ukur untuk QS, Jurukur Menara bagi land acquisition dan land survey, K6A Engineering untuk kerja-kerja Geologist, UD Geotechnics untuk soil Investigation, Optimunm Geomatic untuk kerja-kerja topography dan Jurutera Consult juga untuk topography. Saya sahkan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh consultant-consultant ini adalah untuk flexibility study bagi penyediaan detail design. Report Flexibility Study telah siap pada Januari 2015 lagi. Bagi kerja-kerja design, preliminary detail design untuk 3 highway telah tidak termasuk under bed sea tunnel telah dihantar ke UPEN Pulau Pinang pada kira-kira 2017.

Daripada RM99.8 juta itu, sebanyak RM22 juta seperti yang saya jelaskan semalam iaitu telah saya gunakan untuk membayar wang rasuah bagi menutup kes SPRM saya iaitu berjumlah RM19 juta kepada PM yang diterima melalui Gnana Rajah dan RM3 juta untuk Datuk Abdul Azeez Rahim yang diterima oleh Dato Jaabar.

Dari situ, baki tinggal RM 37.8 juta (RM59.8j-RM22juta), sebanyak RM14 juta telah digunakan untuk bayaran performance bond kepada Kerajaan Pulau Pinang. Apa yang berbaki lagi untuk syarikat adalah RM23.8 juta yang saya gunakan untuk membeli dua buah syarikat tersenarai Bursa, bayaran balik hutang dan perbelanjaan operasi syarikat.

Sambungan Pernyataan

OKT telah membaca kembali percakapan dan diakui betul.

Soalan : Adakah keterangan kamu adalah benar berkaitan kes ini?.

Jawapan : Ya.

Soalan : Adakah kamu dipaksa / diugut untuk memberikan pernyataan diatas?

Jawapan : Tiada

Soalan : Adakah kamu mahu meminda keterangan kamu?.

Jawapan : Tiada

Tandatangan Orang Yang Diperiksa

.....

Zarul Ahmad Bin Mohd Zulkifli

Tandatangan Pemeriksa

.....

Wan Zulkifli Mohamed, PsK

Rakaman ditamatkan pada jam 17:00 hrs.